

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang bagi membangunkan masyarakat Orang Asli di seluruh negara, khususnya berkaitan sindrom kemiskinan yang masih membelenggu masyarakat berkenaan.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

JAKOA komited untuk meneruskan pelaksanaan program dan projek pembangunan bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terpinggir dan maju seiring dengan masyarakat arus perdana.

Dari aspek pembangunan infrastruktur, Rancangan Jangka Pendek JAKOA adalah memberi fokus kepada pembinaan jalan perhubungan bagi memacu perkembangan pelbagai sektor lain. Dengan tersedianya kemudahan jalan perhubungan ini, bekalan asas seperti air, elektrik dan sistem komunikasi akan lebih mudah untuk disediakan khususnya di kawasan pedalaman. Justeru, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 JAKOA telah mengemukakan permohonan kepada EPU untuk membina jalan perhubungan utama

## **NO. SOALAN : 281**

di perkampungan Orang Asli Gua Musang, Sungai Siput, Hulu Perak, Lipis dan Mersing.

Dari aspek pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli pula, JAKOA meneruskan komitmen di bawah Teras 4 Pelan Strategik JAKOA 2016-2020: Pembangunan Ekonomi Mampan dengan memberi penekanan kepada sektor-sektor terpilih yang dilihat mampu memberikan pulangan pendapatan kepada masyarakat Orang Asli khususnya seperti tanaman padi huma, tanaman koko dan industri hiliran. JAKOA juga sedang berkerjasama dengan rakan sinergi iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, MARDI dan Lembaga Koko Malaysia untuk membantu membangunkan projek pertanian di petempatan Orang Asli mengikut kepakaran agensi masing-masing.

Bagi perancangan jangka panjang, JAKOA akan memberi penekanan kepada Program Pembangunan Bersepadu di perkampungan Orang Asli iaitu model pembangunan yang lebih efisien dan holistik merangkumi pembangunan fizikal meliputi penyediaan kemudahan prasarana dan program peningkatan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli setempat. Selain itu, program ini dapat meluaskan peluang untuk meningkatkan ekonomi masyarakat daripada kegiatan ekonomi tradisional kepada bidang perniagaan serta perusahaan industri kecil dan sederhana. Pembinaan Orang Asli One stop Centre (OAOSC) iaitu salah satu komponen di bawah program ini dapat menjadi pemangkin untuk meningkatkan ekonomi dan meluaskan akses kepada masyarakat luar.

Di samping itu, JAKOA juga sedang membangunkan satu model baharu dalam Projek Perladangan yang melibatkan Agensi RISDA dan FELCRA supaya dapat memaksimumkan hasil kepada peserta dalam bentuk pemberian dividen. Model ini turut memberi ruang kepada masyarakat Orang Asli terlibat secara langsung dalam aktiviti peladangan tersebut untuk meningkatkan pendapatan.

## NO. SOALAN : 281

Dari aspek pendidikan pula Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA sebagai insentif bantuan sokongan pendidikan Orang Asli melibatkan peringkat TABIKA, sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara. Keutamaan adalah kepada kelompok yang berpendapatan ekonomi keluarga rendah (B40). Selain itu bantuan pinjaman bolehubah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Nasional (PTPTN) disediakan.

Bagi pelajar Orang Asli yang menuntut di universiti, JAKOA ada menyediakan peruntukan biasiswa dari peringkat asasi sehingga peringkat ijazah pertama universiti awam dalam negara. Kadar biasiswa ini ditawarkan kepada pelajar yang layak mengikut garis panduan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA.

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya disediakan untuk belia dan beliawanis sebagai contoh Program TVET bagi belia yang berumur 15 tahun dan ke atas. Ia menyediakan peluang latihan di institusi latihan awam di seluruh negara seperti di GIATMARA,ILP,dan sebagainya.

Program Kerjaya secara *train and placement* pula memberi peluang latihan dan kerjaya terus kepada belia yang berminat. Ia merangkumi automotif, mekanikal, elektrik, oil and gas, driver, dan sebagainya. Secara keseluruhannya, JAKOA sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan kepada masyarakat Orang Asli secara holistik sejak lahir sehingga boleh hidup berdikari.

Sekian, terima kasih